

Tajuk: Faedah Sesebuah Negara Menganjurkan Sukan Antarabangsa

Dikarang oleh LEE CHOO HOCK

Hak Cipta Terpelihara

SPM Nov 2008 – “ Penyertaan setiap negara dalam pertandingan sukan pada peringkat antarabangsa dapat mengeratkan hubungan masyarakat dunia “ 100% Tepat

Sejak bermulanya tamadun manusia, sukan telah menjadi salah satu kegiatan rekreasi atau riadah yang seolah-olah bersebuti dengan kehidupan manusia. Kini, sukan tidak lagi hanya mendukung fungsi tradisinya yakni menyihatkan tubuh badan atau mengisi masa lapang malah sudah menjadi wadah untuk mengaut keuntungan lumayan melalui industri yang bersifat komersial di samping mampu ‘menjual’ nama sesebuah negara di pentas dunia. Hal ini terbukti apabila sukan-sukan antarabangsa telah menjadi agenda utama yang mengisi ruang perdana media antarabangsa seperti CNN. Seiring dengan itu, temasya-temasya sukan antarabangsa seperti Sukan Olimpik, Sukan Komanwel, Sukan Asia dan pertandingan bola sepak Piala Dunia turut menjadi temasya yang direbut-rebut hak penganjurannya.

Satu daripada faedah yang akan dinikmati oleh sesebuah negara yang menjadi pihak penganjur atau tuan rumah kepada sesuatu temasya sukan antarabangsa ialah peluang keemasan sedemikian dapat digunakan untuk **mengangkat martabat negara itu di persada dunia**. Hal ini demikian kerana kejayaan untuk mendapatkan hak penganjuran sukan antarabangsa merupakan suatu penghormatan dan pengiktirafan yang diberikan terhadap keupayaan negara penganjur. Sehubungan dengan itu, kita juga sedia memaklumi bahawa jutaan penduduk dunia akan menyaksikan temasya sukan tersebut seperti pertandingan bola sepak Piala Dunia di Jerman pada tahun 2006 melalui satelit khususnya media elektronik. Sekiranya pihak tuan rumah dapat menguruskan sukan itu dengan baik dan menjayakan sukan itu dengan cemerlang, nama negara penganjur itu pasti akan **menjadi sebutan** di seluruh dunia. Sebagai contoh, penganjuran **Grand Prix F1 Litar Sepang** dan **La Tour de Langkawi** telah menjulang nama Malaysia.

Di samping mengharumkan nama sesebuah negara penganjur, peluang untuk menjadi tuan rumah kepada temasya sukan antarabangsa juga dapat menjadi pendorong bagi mempertingkatkan mutu atau prestasi sukan negara penganjur. Hal ini demikian kerana lazimnya negara penganjur akan terdorong untuk mengatur program-program sukan yang lebih sistematis dan terancang bagi memastikan atlet-atlet tempatan bukan saja dapat menyertai pertandingan di peringkat dunia malah dapat **meraih** sebanyak mungkin **pingat-pingat yang dipertandingkan**. Sebagai contoh, dengan latihan sepenuh masa dan insentif serta tunjuk ajar jurulatih profesional, atlet-atlet tempatan yang bertanding dalam SUKOM'98 telah dapat membuktikan kemampuan mereka dengan **menggondol pingat emas** dalam acara-acara sukan yang selama ini tidak pernah dijuarai oleh mereka seperti dalam acara boling, gimnastik berpasukan, menembak dan olah raga.

Seerti yang kita maklumi, sesuatu temasya sukan antarabangsa pasti menjadi daya tarikan kepada ribuan malah jutaan peminat sukan dari seluruh dunia selain atlet-atlet dan pegawai-pegawai asing yang berkenaan. Kunjungan pelancong-pelancong atau atlet-atlet itu nescaya akan menjadi **pemangkin** untuk memajukan sektor pelancongan negara penganjur. Hal ini demikian kerana mereka biasanya akan berbelanja dalam kegiatan-kegiatan seperti kegiatan membeli-belah, penginapan, makanan, pengangkutan dan kegiatan lain. Dengan erti kata lain, kehadiran pelancong-pelancong asing itu turut mengalirkan wang pertukaran asing ke dalam negara penganjur itu. Misalnya, Sukan Komanwel 1998 telah berjaya menerima kunjungan lebih kurang 70,000 orang pelancong asing dan memperoleh keuntungan sebanyak kira-kira RM50 juta sekali gus memperkukuh lebihan dalam imbangan pembayaran negara.

Kesimpulannya, penganjuran sukan antarabangsa merupakan suatu penghormatan yang membawa seribu satu ‘rahmat’. Hal ini demikian kerana penganjuran tersebut bukan sahaja dapat meningkatkan imej negara tuan rumah, menjana kecemerlangan dalam kalangan atlet tempatan malah bisa mempromosikan industri pelancongan negara berkenaan. Oleh sebab itu, tidak hairanlah sesebuah negara mencuba dengan bertungkus lumus untuk menjadi penganjur kepada sukan antarabangsa. Kita berharap agar negara kita, Malaysia turut tidak ketinggalan dan dapat merealisasikan gagasan untuk menjadi tuan rumah sukan antarabangsa khususnya Sukan Asia atau Sukan Olimpik pada masa akan datang selepas menggemilangkan Sukan Komanwel pada tahun 1998.